KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA
KAMPUNG ANGKAT MADANI KKDW ,
KAMPUNG SUNGAI BETUL, BAGAN DATUK, PERAK

---

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menganjurkan Program Tautan Desa MADANI sempena Program Kampung Angkat MADANI KKDW pada 1 Disember 2024 di Kampung Sungai Betul, Bagan Datuk, Perak dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW.

2. Kampung Sungai Betul telah menerima pelbagai manfaat selepas dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI di bawah KKDW. Dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta yang disediakan oleh Kerajaan menerusi Belanjawan 2024 bagi setiap Kampung Angkat MADANI, pihak KKDW telah mengoptimumkan peruntukan tersebut melalui pelaksanaan pelbagai projek fizikal dan bukan fizikal.

3. KKDW telah bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) Bagan Datuk bagi pelaksanaan Kampung Angkat MADANI KKDW serta telah melantik Agensi KKDW dan PDT Bagan Datuk untuk melaksanakan projek fizikal di kampung ini. Antara manfaat yang dinikmati oleh penduduk kampung adalah jalan perhubungan desa dan jalan ladang pertanian yang dinaik taraf, titi yang dibaik pulih, serta

dewan orang ramai, padang bola sepak dan surau yang dinaik taraf. Selain itu, KKDW turut melaksanakan baik pulih rumah rakyat miskin/B40. Pagar di Beting Beras Basah juga telah dinaik taraf agar fasiliti lokasi bersejarah dan destinasi pelancongan ini dipulihara.

4. KKDW juga turut melaksanakan projek bukan fizikal dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak serta Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi program keceriaan kampung serta pelaksanaan program komuniti seperti kursus-kursus kemahiran oleh Agensi KKDW.

-TAMAT

Disediakan Oleh
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
01 Disember 2024